

12 FEB 2001

Mahathir-Perwaja

PM HARAP PETUNJUK BARU HASIL TINDAKAN DALAM SIASATAN PERWAJA

KOTA KINABALU, 12 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berharap petunjuk baru dalam siasatan terhadap dakwaan penyelewengan di Perwaja Steel akan membolehkan beberapa tindakan dapat diambil untuk mencari penyelesaian dengan lebih cepat.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan juga mahu melihat syarikat keluli itu dipulihkan.

"Ya, kita harap untuk mendapatkan penyelesaian dan saya harap maklumat yang kita perolehi dari (kerajaan) Switzerland akan menghasilkan beberapa tindakan," katanya pada sidang berita di akhir lawatan dua harinya ke Sabah hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada persetujuan kerajaan Switzerland untuk memberikan kerjasama berhubung siasatan itu akan menyebabkan isu itu diselesaikan lebih cepat.

Semalam, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Datuk Ahmad Zaki Husin dilaporkan berkata bahawa agensi itu telah mendapat kerjasama daripada kerajaan Switzerland dalam siasatan mengenai urus niaga satu akaun Bank di negara itu yang didakwa mempunyai wang Perwaja.

Ahmad Zaki juga berkata dengan persetujuan kerajaan Switzerland itu, BPR akan dapat menjalankan siasatan dengan lebih terperinci berhubung dakwaan penyalahgunaan wang Perwaja.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata perkembangan terbaru dalam siasatan itu melibatkan pengurusan Perwaja yang dulu tetapi terdapat juga isu-isu lain melibatkan syarikat itu.

"Bagi Perwaja, terdapat isu lain...kita mahu memulihkan Perwaja, dan kerajaan membuat keputusan bahawa jika boleh diswastakan Perwaja kepada pihak yang mampu menguruskan, (kita akan lakukan)," katanya.

Ditanya sama ada terdapat mana-mana pihak yang berminat setakat ini, Dr Mahathir berkata : "Ya, ada pihak yang berminat tetapi kita mahu pastikan kepentingan negara dikekalkan."

-- BERNAMA

JS MAI